

02 DEC 1997

DBP-Buku

DEWAN BAHASA PAMER 500,000 BUKU DI KAMPUNG BUKU MALAYSIA

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menempatkan kira-kira 500,000 naskah buku di Kampung Buku Malaysia Langkawi di Lubuk Semilang, Ulu Melaka di sini yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Timbalan Ketua Pengarah DBP, Sha'ari Abdullah berkata kira-kira 2,000 judul buku dalam bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek termasuk kebudayaan, sejarah dan sastera.

Perasmian kampung itu sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) yang mula dibuka hari ini.

Katanya terdapat juga buku sastera dan sejarah yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tujuan untuk memperkenalkan hasil karya sastera dan sejarah tempatan kepada pelancong asing.

DBP adalah antara lapan penerbit dan pembekal buku yang menyertai pameran di kampung buku pertama di Malaysia itu yang diilhamkan oleh Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Ia merupakan kampung buku ke-12 di dunia dan ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai dua buah.

Sh'ari berkata sempena dengan perasmian itu, DBP akan menjual buku-buku berkenaan dengan harga murah dan berpatutan.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kampung Buku itu, Abdul Rahman Ariffin berkata lebih 1 juta naskah buku dijangka ditempatkan di kampung buku itu.

Katanya kewujudan kampung itu diharapkan dapat meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Kedah dan Malaysia keseluruhannya.

"Dengan adanya kampung buku itu para pelancong bukan sahaja dapat menikmati keindahan malah berpeluang membaca buku sambil berehat," katanya.

-- Bernama

ZI oba